

Isnin, 9 Disember 2019 | 3:56pm



MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail. NSTP/Salhani Ibrahim

Pertingkat komunikasi strategik beri gambaran PSP kepada rakyat

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@nstp.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memperkemas komunikasi strategik berkenaan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) bersasar tahun depan supaya rakyat mendapat gambaran tepat mengenainya.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata itu antara saranan disampaikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam perjumpaan bersama minggu lalu.

"Menjelang pelaksanaan dasar (PSP), Perdana Menteri antara lain mahu diperkemas komunikasi strategik supaya rakyat mendapat gambaran tepat," katanya pada sidang media selepas Perhimpunan Bulanan kementerianya di sini, hari ini.

Katanya, Perdana Menteri turut menyarankan supaya mengenal pasti beberapa item penting kepada pengguna dan pemantauan harga minyak sepanjang masa sebelum pelaksanaan itu.

Kira-kira 2.9 juta penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) bakal mendapat manfaat daripada PSP bersasar membabitkan jumlah tanggungan kerajaan sebanyak RM65.4 juta sebulan.

PSP akan dilaksanakan pada awal tahun depan membabitkan kadar subsidi RM30 sebulan bagi kereta dan RM12 bagi motosikal.

Sementara itu, beliau berkata, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan melaksanakan Kempen Pematuhan Tahun 2020 Akta Syarikat 2016 mulai 1 Januari sehingga 30 April tahun depan.

Katanya, menerusi kempen itu, komuniti korporat akan menikmati kadar pengurangan kompaun sehingga 90 peratus daripada nilai asal kompaun.

"Tawaran itu diberikan bagi dua situasi iaitu syarikat aktif yang ingin dikekalkan dalam daftar syarikat, dikehendaki mengemaskini serahsimpan penyata tahunan dan penyata kewangan berdasarkan peruntukan mengikut Akta Syarikat 1965 dan 2016.

"Bagi syarikat dorman dan tidak aktif dikehendaki membuat permohonan pemotongan nama syarikat mengikut Seksyen 550 Akta Syarikat 2016," katanya.

Saifuddin berkata, kadar pengurangan kompaun sehingga 90 peratus itu hanya terpakai kepada kompaun dikeluarkan bagi kesalahan lazim saja mengikut Akta Syarikat 1965 dan 2016.

"Ini termasuk kesalahan seperti gagal menyerahsimpan penyata tahunan, gagal menyediakan penyata kewangan dan gagal mengadakan mesyuarat agung tahunan," katanya.

Selain itu, katanya, bagi menguatkuasakan undang-undang mewujudkan peniaga beretika dan melindungi pengguna, prosedur operasi standard (SOP) penguatkuasaan membabitkan transaksi dalam talian diwujudkan.

"SOP ini bertujuan menyeragamkan prosedur penguatkuasaan yang dilaksanakan pegawai penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara untuk menyelesaikan aduan dan kertas siasatan membabitkan penipuan jualan, transaksi kewangan, pelaburan serta pelanggaran hak harta intelek yang berlaku dalam talian, media sosial dan laman sesawang.

"Aduan berkaitan transaksi dalam talian kedua tertinggi diterima dan setakat 7 Disember lalu, bilangan aduan direkodkan sebanyak 4,993 merangkumi 24.3 peratus daripada jumlah keseluruhan aduan diterima," katanya.